Jangan diulangi peristiwa S'pura dilanggar todak

WANITA UMNO diingatkan jangan membiarkan berulang peristiwa 'Singapura dilanggar todak'. Ini berikutan adanya golongan tertentu yang tidak mahu melihat kebolehan, kematangan dan kecergasan pemimpin barisan hadapan yang lain selain mereka sendiri.

Oleh KHALIL MOHD. ZAIN
Kelang, Sabtu

Ketua Perhubungan Wanita UMNO Negeri Selangor, Datin Paduka Zaleha Ismail, mengingatkan demikian di perasmian Mesyuarat Agung Pergerakan Wanita UMNO Bahagian Shah Alam.

Menurut beliau, ada orang tertentu kini tidak lagi segan silu melakukan perbuatan yang aib dan mungkar demi mengejar nikmat dunia dan kuasa, terutama sekali kuasa politik.

"Mereka sanggup lakukan apa saja, termasuk mencerobob kehormatan, mencemarkan peribadi dengan menaburkan fitnah, memecah-belahkan masyarakat, mencaci, dengki-mendengki dan sebagainya, untuk memuaskan hawa nafsu mereka," kata beliau.

Beliau menyarankan agar orang UMNO jangan hendaknya menjadikan parti politik sebagai pasport mudah untuk menimba kekayaan dan kemewahan.

Mengenai pemimpin yang tidak mahu melihat orang lain yang lebih berkemampuan memimpin, Datin Paduka Zaleha berkata, pengikut UMNO sekarang pandai menilai intan dengan kaca. "Seseorang pemimpin tidak dapat lagi memaksa pengikutnya untuk menghormatinya."

Menurut beliau, kecekapan pemimpin bukan terletak pada perancangannya, tetapi dinilai dari hasil dan kenyataan rancangannya.

Dalam menilai pemimpin itu, Datin Paduka Zaleha menyeru agar diawasi orang yang suka memburukkan orang lain. Mereka yang begini sebenarnya cuba menutup keburukan dirinya.

"Orang yang suka mengkritik tanpa memberi cadangbalas yang membina adalah orang yang mencari publisiti murah," tambah beliau.

Dua lagi sifat yang perlu diawasi, menurut beliau, ialah orang yang suka menikam dari belakang kerana mereka adalah pengecut dan tidak berani menghadapi kenyataan.

"Orang yang suka menabur fitnah adalah orang yang sudah hilang pegangan hidup sebagai Muslim. Demikian juga orang yang terpengaruh dengan fitnah dan bersekutu dengannya adalah orang yang sudah hilang daya pertimbangannya."

Datin Paduka Zaleha menyeru agar menggunakan parti untuk memajukan ekonomi negara, meningkat imej bangsa dan mengembangkan syiar Islam.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia